

**TEKS UCAPAN**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PELANCARAN PASUKAN PENGAWAL LALULINTAS MPSP  
21 APRIL 2011 (KHAMIS)  
IBU PEJABAT MPSP**

*Terima kasih Pengacara Majlis*

---

Yang Amat Berhormat **Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Tuan Chow Kon Yeow**  
Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas.

Yang Berhormat **Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri**

Yang Berhormat **Tuan Hj Mokhtar bin Mohd Jait**  
Pegawai Kewangan Negeri

Yang Berhormat **Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri**

Yang DiHormati Tuan-tuan dan Puan-puan Ahli Majlis MPSP

Yang Berusaha **Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Dato'-Dato', Rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Assalamualaikum wbth dan salam sejahtera.

---

1. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi hadir untuk Pelancaran Pasukan Pengawal Lalulintas MPSP pada pagi yang mulia ini. Tak lupa juga kepada Yang Berhormat. Tuan Chow Kon Yeow, Penggerusi MMK Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas. Seterusnya Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan semua yang hadir pada hari ini, yang juga sanggup meluangkan masa untuk tampil bersama-sama ke Majlis Pelancaran Pasukan Kerja Pengawal Lalulintas MPSP.

Yang Berhormat, Y.Bhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Sesungguhnya pembangunan yang begitu pesat di sesuatu kawasan, akan menjana aktiviti ekonomi di kawasan tersebut. Dengan demikian, hal ini akan menarik lebih ramai penduduk terutamanya penduduk luar bertumpu ke kawasan tadi. Keadaaan ini menyebabkan timbulnya beberapa masalah seperti kesesakan lalulintas dan sebagainya. Keadaan ini juga tidak kurangnya, berlaku di Seberang Perai.
3. Masalah kesesakan lalu lintas bukan perkara baru. Kepesatan pembangunan sememangnya diketahui umum, namun di sebalik pembangunan yang begitu rancak secara langsung kita tetap menghadapi masalah yang begitu rumit untuk diselesaikan, contoh masalah tersebut ialah masalah kesesakan lalulintas. Di Seberang Perai, pembangunan pesat disusuli dengan berbagai masalah terutama sekali masalah lalulintas dan selain itu, banjir kilat, pencemaran sekitar, halangan dan sebagainya.
4. Oleh hal yang demikian, atas kesedaran pentingnya aspek lalulintas dan kesan atau impak kesesakan lalulintas, pihak MPSP mengambil inisiatif untuk membentuk Pasukan Pengawal Lalulintas MPSP bagi membantu mengurangkan kesesakan lalulintas. Pasukan

ini, ditubuhkan melalui gabungan antara Polis Bantuan MPSP dan juga Pegawai Keselamatan MPSP yang mana akan membantu perjalanan aliran lalulintas di kawasan "Park And Ride", kawasan pasar-pasar awam yang sesak dengan kenderaan dan juga di lokasi-lokasi sesuatu pengajuran program termasuk di kawasan-kawasan letak kenderaan yang padat. Pasukan ini dibentuk bukanlah untuk mengambil alih tugas polis tetapi bagi membantu menguraikan kesesakan di jalan-jalan perbandaran supaya aliran lalulintas berjalan lancar.

5. Kita dapat kepelbagaian pengangkutan awam, masih tidak dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Dalam mengharungi arus globalisasi pada masa ini, sistem pengangkutan awam pada masa kini, makin hari makin maju dan giat dipertingkatkan oleh pihak kerajaan. Namun, senario kesesakan lalulintas di sini, masih tidak pernah mencapai titik noktah selama ini.
6. Fenomena ini berubah menjadi lebih kronik dan membimbangkan semua pihak terutamanya pada waktu puncak., iaitu waktu hendak pergi kerja dan waktu pulang kerja. Masalah ini haruslah dititikberatkan oleh semua pihak dan bersama-sama lah kita berganding bahu menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin.
7. Hal yang tidak dapat dinafikan ialah kesesakan dan pengangkutan awam adalah simbiosis. Nescaya, beberapa punca yang menyebabkan kesesakan lalulintas tetap berlaku saban waktu dalam perjalanan walaupun pengangkutan awam disediakan.
8. Antara punca kesesakan lalulintas adalah kemalangan, pelan pembangunan yang tidak sistematik, keadaan jalan, lampu trafik yang tidak berfungsi dan sebagainya. Pertambahan pesat penduduk yang mendiami di kawasan bandar juga turut menyumbang kepada kesesakan lalulintas. Apatah lagi pertambahan pesat penduduk

bandar ini berpunca daripada penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar. Faktor pertambahan pesat penduduk yang memerlukan lebih banyak kawasan untuk dijadikan tempat tinggal juga memainkan peranan dimana banyak kawasan yang sepatutnya dikhaskan sebagai persediaan untuk membesarakan jalan raya terpaksa digunakan untuk petempatan penduduk. Ketidakseimbangan kadar pertambahan antara jumlah kenderaan dengan pertambahan keluasan jalan raya. Setiap hari jumlah kenderaan bertambah, sedangkan penambahan keluasan jalan raya boleh dikatakan amat perlahan. Ketidakseimbangan ini menjadikan kepadatan kenderaan di jalan raya semakin tinggi.

9. Kesan kesesakan lalulintas ini akan menyebabkan “stress”, masalah dari pengurusan masa yang tidak mengikut jadual. Hal ini banyak berkait dengan urusan ekonomi dan perniagaan seperti penghantaran barang dari satu tempat ke tempat yang lain sering tergendala dan mengambil masa yang lama untuk sampai ke destinasi walaupun melibatkan jarak yang dekat.
10. Kesesakan jalan raya yang serius juga boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar. Justeru bagi menguraikan kesesakan lalulintas di kawasan pentadbiran perbandaran ini, maka pihak MPSP mengambil langkah menubuhkan Pasukan Pengawal Lalulintas MPSP sebagai salah satu cara untuk mengurangkan masalah kesesakan lalulintas.
11. Sempena dengan Pelancaran Pasukan Pengawal Lalulintas MPSP, Majlis turut menghargai Anggota Skuad Khas seramai 23 orang kakitangan dengan memberikan Sumbangan Motivasi berupa Sijil Penghargaan dan Cek bernilai RM500.00 dan RM200.00 (setiap seorang) mengikut sumbangan kakitangan tersebut.

12. Sumbangan ini adalah, kepada mereka yang sanggup bermandi lumpur bagi memastikan lubang-lubang longkang atau parit di Seberang Perai tidak tersumbat. Mereka sanggup merendam hampir seluruh tubuh di dalam lubang longkang dan parit berlumpur hitam demi kepentingan tugas.
13. Melihat kepada kesungguhan mereka, terhadap kerja 3D's iaitu " "Dangerous, Difficult and Dirty" hanyalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah di lapangan, tak lain dan tak bukan hanya untuk meningkatkan imej Majlis Perbandaran Seberang Perai.
14. Dengan itu, saya sudahi ucapan ini dengan Wabillah hitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.